

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED  
[ PULAI ]**

**TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)**

**SOALAN**

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [ Pulai ] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah permit teksi individu yang diberikan serta jumlah syarikat teksi yang beroperasi di seluruh negara serta perbandingan antara permit syarikat teksi dan permit individu.**

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada sebarang lesen teksi bajet dan teksi eksekutif baru dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) sejak penubuhannya pada tahun 2010.
2. Walaubagaimanapun, semasa pelancaran Teksi 1Malaysia (TEKS1M) pada tahun lalu, sebanyak 1,000 lesen teksi baru telah dikeluarkan kepada pemilik individu yang layak. Namun begitu, 1,000 lesen ini bukanlah tambahan kepada bilangan permit teksi sedia ada tetapi merupakan lesen-lesen yang tidak aktif yang dipulangkan oleh pengusaha-pengusaha syarikat teksi kepada S.P.A.D. sebagai menyokong program tersebut.
3. Untuk makluman, kelas lesen Teksi Bajet dan Teksi Eksekutif adalah teksi bermeter yang beroperasi di tiga (3) bandaraya iaitu Lembah Klang, Johor Bahru dan Pulau Pinang. Manakala Kereta Sewa adalah teksi yang beroperasi di kawasan luar bandar.

4. Perbandingan pegangan syarikat dan individu bagi kelas lesen teksi yang dinyatakan adalah seperti berikut:

<b>Kelas Lesen / Jenis Perkhidmatan</b>	<b>Milikan Individu</b>		<b>Milikan Syarikat</b>	
	<b>Jumlah Pengendali</b>	<b>Jumlah Lesen</b>	<b>Jumlah Pengendali</b>	<b>Jumlah Lesen</b>
Teksi Bajet	16,855	16,855	277	22,752
Teksi Eksekutif	896	896	76	2,254
Kereta Sewa	15,055	15,055	327	2,179
Jumlah Keseluruhan		32,947		27,185

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK RAIME BIN  
UNGGI  
(TENOM)**

**TARIKH : 11.6.2014  
(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan visi terkini dasar pertahanan negara untuk menghadapi situasi ancaman-ancaman baru pada ketika ini dan akan datang.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Perkembangan semasa di rantau ini telah memperlihatkan sejumlah cabaran baru kepada pertahanan negara. Walaupun secara amnya keadaan semasa di dalam negara dan rantau ini menyaksikan kestabilan politik dan pertumbuhan ekonomi, namun analisa terhadap isu-isu semasa dan akan datang memperlihatkan bahawa ancaman bukan konvensional mulai mewarnai bentuk cabaran kepada pertahanan negara. Bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang akan menjejaskan kedaulatan, kemerdekaan dan keutuhan Malaysia, negara senantiasa melihat kepada aspek-aspek pemodenan dan perubahan strategi ke atas pertahanan.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Saya tidak berhasrat untuk menyenaraikan isu-isu yang memberikan cabaran atau ancaman kepada pertahanan negara, memadai dengan kita mengenalpasti pendekatan dan tindakan bagi mengawal, mengurus dan menyelesaikan**

**sesuatu isu sebelum ianya menjadi ancaman yang lebih besar. Sehubungan dengan itu satu kajian sedang dijalankan di peringkat Kementerian Pertahanan bagi memantapkan Dasar Pertahanan Negara dengan mengambil kira perkembangan-perkembangan semasa yang mempunyai impak kepada pertahanan negara.**